

260 sertai Simposium Sains Analitikal Wilayah Malaysia

KUCHING: Seramai 260 peserta dari institusi penyelidikan, wakil institusi pengajian tinggi awam (IPTA), wakil industri serta beberapa peserta dari luar negara menyertai Simposium Sains Analitikal Wilayah Malaysia Ke-26 (SKAM26) yang berakhir semalam.

Simposium dua hari anjuran bersama Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Persatuan Sains Analisis Malaysia (ANALIS) pada 4 dan 5 Disember itu diadakan di Hotel Hilton, Kuching.

Menurut Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, SKAM26 itu merupakan penganjuran kedua oleh UNIMAS sebagai hos selepas penganjuran pertama pada tahun 2003.

“Dalam siri Simposium Kimia Analisis Malaysia (SKAM) kali ini, UNIMAS sekali lagi menjadi tuan rumah selepas menganjurkannya buat kali pertama 10 tahun lalu.

“Ia menjadi platform terbaik bagi peserta simposium untuk menjana idea dan strategi penyelidikan berasaskan sains analisis terutama yang berkait rapat dengan kehidupan seharian dalam aspek pemakanan, pertanian, keselamatan, perundangan serta banyak lagi,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian dan Makan Malam SKAM26 di sini, malam kelmarin.

Menurutnya, simposium itu juga menjadi landasan kepada ahli sains dari seluruh negara membincangkan kemajuan terkini dalam pelbagai disiplin sains analisis yang mempunyai kepentingan kepada masyarakat setempat.

Beliau menjelaskan, simposium itu merangkumi pembentangan 240 kertas kerja secara keseluruhannya dan dinilai oleh pakar-pakar dalam bidang berkaitan.

“Kertas kerja yang telah dibentangkan dalam simposium ini akan dikaji oleh pakar-pakar berhubung bidang ini manakala kertas kerja terpilih pula akan diterbitkan sebagai bab dalam buku.

“Ia merangkumi beberapa bidang utama seperti sintesis organik dan bukan organik, teknik pengekstrakan, bahan pencemar dalam air minuman dan permonitoran persekitaran, pembentangan lisan serta pembentangan poster,” katanya.

Simposium tersebut memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi selain bertukar maklumat dan pengalaman berdasarkan jaringan kerjasama melalui bidang kepakaran masing-masing.

Hadir sama ialah Timbalan Ketua Menteri merangkap Pro Canselor UNIMAS Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang dan isteri Dato Sri Empiang Jabu, Presiden ANALIS Prof Madya Dr Zaini Hamzah serta peserta-peserta simposium.